

Majlis Penghargaan bagi Pasukan Beruniform UNISSA



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Pasukan Beruniform UNISSA yang melibatkan seramai 280 pelajar (kiri), manakala gambar kanan, sekitar Majlis Penghargaan Pasukan Beruniform UNISSA yang diadakan di Tokyo Hall, Airport Mall.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) mengadakan Majlis Penghargaan Pasukan Beruniform UNISSA yang melibatkan seramai 280 pelajar dan diadakan di Tokyo Hall, Airport Mall, baru-baru ini.

Pasukan Beruniform UNISSA

terdiri dari Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Bomba, Pasukan Kadet Polis, Persatuan Pandu Puteri, Persatuan Pengakap dan Platun Bulan Sabit Merah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan menyempurnakan majlis, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji

Zainal.

Majlis tersebut diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada ahli pasukan beruniform yang telah berkhidmat dan yang pernah mengharumkan nama UNISSA serta penghargaan kepada tenaga pengajar dari setiap pasukan.

Turut disampaikan adalah

Anugerah Pemimpin Terbaik kepada enam orang pemimpin dari setiap pasukan beruniform UNISSA.

Majlis yang berlangsung bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara pasukan-pasukan beruniform dengan mengadakan persembahan dari setiap pasukan

yang diikuti dengan sesi cabutan bertuah.

Majlis yang diadakan juga berhasrat untuk melahirkan individu yang aktif, berdisiplin, bersemangat dan berdikari yang boleh memikul peranan kepimpinan dan juga bekerjasama dengan baik dengan orang lain.